

Yu Tian baiki teknik lompatan

Kuala Lumpur: Kejutan yang dicipta ketika Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) pada Ogos menjadi perangsang buat Chuah Yu Tian untuk lebih menyerlah tahun depan.

Yu Tian, atlet lompat bergalah wanita sedar dua lagi temasya besar iaitu Sukan Komanwel, di Gold Coast Australia dan Sukan Asia, Indonesia pasti mempunyai saingan yang lebih besar.

Namun, bagi penuntut Uni-

versiti Putra Malaysia (UPM) enggan mengaku kalah sekali gus menegaskan yang dia perlu meningkatkan teknik lompatan menjadi lebih baik.

“Tahun depan ada Sukan Komanwel dan Asia. Bagi saya Sukan Asia lebih mudah untuk berikan saingan kerana di Komanwel ada pesaing yang hebat dari Kanada dan Australia.

“Saya tidak sasarkan apa-apa pingat tapi saya kena baiki teknik yang ada bermula dari se-

karang,” kata Yu Tian.

Khobar gembira

Anak sulung dari empat beradik ini memberi khabar gembira buat kem olahraga negara di KL2017 pada Ogos apabila berjaya menyumbangkan pingat perak.

Yu Tian tidak diletakkan sasaran pingat namun dia memamer aksi terbaik dengan melakukan catatan 3.80 meter (m) biarpun gagal menandingi ke-

hebatan juara bertahan dari Thailand, Chaya Chomchuen-dee (4.10m).

Keputusan itu menyaksikan gangsa menjadi milik atlet Singapura, Rachel Isabel yang mencatat lompatan 3.60m.

Kemenangan Yu Tian menghidupkan kembali legasi atlet negara dalam lompat bergalah wanita selepas kali terakhir menyumbangkan pingat emas menerusi Roslinda Samsu pada Sukan SEA di Palembang 2011.